

TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DAN
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA BERSAMA
AGENSI DAN INDUSTRI**

6 Oktober 2022, 11.00 Pagi
Hotel Ames

SALUTASI

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..

Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia

(Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam

Yang Di-Pertua Negeri Melaka Merangkap Canselor UTeM

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali

Ahli Dewan Negara merangkap Pengurus Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

YB Datuk Wira Haji Md Rawi bin Mahmud

Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

Merangkap Pengerusi Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (Moa) Dan Memorandum Persefahaman (Mou) Antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bersama agensi Dan Industri

Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

Merangkap Pengurus Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (Moa) Dan Memorandum Persefahaman (Mou) Antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bersama agensi Dan Industri

Tetamu Kehormat

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Rakan-Rakan Industri

Rakan-Rakan Media

Dan Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera

سالم عائلة ماليزيا

Salam Keluarga UTeM

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh keluarga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk hadir bersama-sama menyaksikan Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka bersama Agensi dan Industri.

**Pusaka Melayu indah berpantun,
Menjadi warisan dulu dan kini;
Terima kasih Tuan Yang Terutama Tun,
Sudi bersama di majlis ini.**

2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat seluruh keluarga UTeM. Keprihatinan daripada Tuan Yang Terutama Tun sesungguhnya dapat menyemarakkan lagi keazaman seluruh keluarga UTeM untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.
3. Tidak lupa juga kepada barisan urusetia yang dipengerusikan secara bersama oleh Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang bertungkus lumus bagi memastikan Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum

Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka bersama Agensi dan Industri pada hari ini dapat dilaksanakan. Terima kasih juga kepada perwakilan dari industri dan agensi yang hadir bersama-sama pada hari ini.


**Tuan Yang Terutama Tun
Hadirin dan Hadirat sekalian,**

4. Untuk makluman, majlis pada hari ini merupakan satu platform untuk mengukuhkan lagi hubungan dan jaringan kerjasama strategik antara UTeM dan juga industri. Jaringan kerjasama ini

adalah sangat penting dalam memastikan bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan khidmat perundingan di UTeM dapat dijalankan dengan lebih berkualiti. Ini juga adalah selaras dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi untuk memartabatkan TVET di kalangan institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta.

5. UTeM sebagai salah sebuah MTUN sangat menitiberatkan penglibatan bersama industri dan agensi. Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, kolaborasi antara UTeM bersama industri dan agensi akan dapat memastikan UTeM untuk melahirkan graduan yang memenuhi kriteria pasaran industri. Ini adalah penting dalam memastikan kadar *Graduate Employability*

terus meningkat terutama pada waktu PascaPandemik di mana graduan-graduan sedang sibuk bersaing dalam memastikan penempatan di industri-industri yang berkaitan.

- 
6. Bukan itu sahaja, dari segi kerjasama penyelidikan dan inovasi, kolaborasi di antara UTeM bersama agensi dan industri adalah penting dalam memastikan kepakaran yang diperoleh UTeM dapat dikongsikan bersama industri. Untuk tujuan tersebut, sebuah pusat yang diberi nama *Research, Innovation, Commercialization and Entrepreneurship Centre (RICE)* telah ditubuhkan hasil kerjasama di antara UTeM dan Kerajaan Negeri Melaka. Untuk

makluman semua, RICE merupakan satu pusat kerjasama yang ditubuhkan bertujuan untuk mencari solusi kepada permasalahan yang berkaitan dengan bidang teknikal di Melaka. Saya mengharapkan kerjasama yang dijalankan di antara UTeM bersama industri dan agensi akan menjadi satu platform untuk menyemarakkan lagi RICE centre ini.


**Tuan Yang Terutama Tun
Hadirin dan Hadirat sekalian,**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

7. Majlis pada hari ini akan menyaksikan pertukaran MoA dan MoU antara UTeM bersama dengan 15 buah agensi dan industri. Agensi dan Industri tersebut adalah:

1. Majlis Agama Islam (MAIM)
2. Pertam Services Sdn. Bhd.
3. Petronas Lubricant International Sdn. Bhd.
4. RZ Tech Resources Sdn. Bhd.
5. Power Trascoted Sdn. Bhd.
6. Anak2U Sdn. Bhd.

7. Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn. Bhd.
8. Omega Fabrication Sdn. Bhd.
9. WB Refrigeration Sdn. Bhd.
10. Infineon Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd.
11. Tica Climate Solutions Malaysia Sdn. Bhd.
12. Mycron Steel CRC Sdn. Bhd.
13. Interence Tech Sdn. Bhd.
14. Hiilse Global Sdn. Bhd.
15. Microlead Manufacturing Sdn. Bhd.

- 
8. Antara pengisian MoU dan MoA adalah seperti pengwujudan pusat latihan, perkongsian kepakaran, pendedahan industri kepada pelajar, pelaksanaan kursus bagi staf dan juga pelajar, dan perkongsian teknologi.
 9. Pada hari ini juga, kita akan menyaksikan pertukaran MoU anak syarikat UTeM iaitu UTeM Holdings Sdn. Bhd. dengan Terra Drone Technology Malaysia Sdn. Bhd. Bagi Kerjasama Perkhidmatan Dron dan Kecerdasan Buatan. Jalinan kerjasama strategik ini akan memberi peluang kepada perkongsian pintar

dan pemindahan teknologi di antara Terra Drone dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

10. Diharapkan kerjasama di antara UTeM bersama agensi-agensi dan industri-industri ini akan dapat membawa hasil yang positif kepada semua pihak yang terlibat seterusnya dapat membantu untuk merancakkan lagi pembangunan ekonomi negara.
11. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan masa Tuan Yang Terutama Tun, Tuan-tuan dan Puan-puan yang turut hadir bersama di majlis pada hari ini.

12. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

**Jangan bermuram wahai kekanda,
Di bawah sinaran bintang kejora;
UTeM dan industri berpisah tiada,
Menjana ekonomi, memakmur negara.**

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA